



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**3 FEBRUARI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 476 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 249,531 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 260 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 239,992 orang. Manakala 1,004 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 458 orang di hospital, 538 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 20 orang merangkumi 17 di ICU/repurposed kritikal *care* serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan empat (4) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 14 (20.90%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan berubah dari zon merah ke zon jingga manakala Semporna bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau satu (1) daerah.
- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga tujuh (7) daerah.
- Zon Merah 15 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a Kes harian kembali meningkat hari ini setelah turun 44 semalam. Jumlah kes baharu ialah 476 kes, penambahan 30 kes berbanding jumlah semalam.
- b Bilangan daerah yang mencatatkan kes dua (2) angka meningkat kepada 12 daerah hari ini berbanding 11 daerah kelmarin. Cuma tiga (3) daerah yang tidak melaporkan sebarang kes jangkitan baharu.
- c Daerah Sandakan mencatatkan jumlah kes baharu yang tertinggi di Sabah dengan 93 kes (+26). Antara daerah-daerah lain yang mencatatkan kes positif baharu yang tinggi ialah Kota Kinabalu 77 kes (-10), Penampang 71 kes (+26), Tuaran 44 kes (-5), Tawau 32 kes (-10) dan Ranau 22 kes (-1).
- d Jumlah kes baharu yang berpunca daripada Saringan Bergejala, iaitu dalam kalangan mereka yang simptomatik kekal tinggi iaitu 232 orang daripada jumlah keseluruhan 476 pesakit hari ini. Angka ini merupakan 48.7% daripada jumlah keseluruhan dan lebih tinggi daripada jumlah kes baharu di kalangan kontak rapat yang cuma 39.7%.
- e Di Sandakan, 58 daripada 93 kes baharu (62.3%) datang daripada Saringan Bergejala, 33 daripada 77 kes (42.8%) di Kota Kinabalu dan 42 daripada 71 kes (59.1%) di Penampang. Sebanyak 20 kes baharu datang daripada tujuh (7) kluster.
- f Sebanyak 469 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, empat (4) kes dalam Kategori 3, dua (2) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5.
- g Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (189) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	20	4.20%
2	Kontak	189	39.71%
3	Bergejala	232	48.74%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	35	7.35%
<b>JUMLAH</b>		<b>476</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (2 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 2/02/2022</b>	<b>Catatan Kes 3/02/2022</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Sandakan	67	93	+26
2	Penampang	45	71	+26
3	Semporna	5	18	+13
4	Kota Marudu	7	16	+9
5	Keningau	5	8	+3
6	Kunak	3	6	+3
7	Tenom	1	3	+2
8	Pitas	0	2	+2
3	Beaufort	17	18	+1
10	Kalabakan	0	1	+1
11	Kota Belud	11	11	Mendatar
12	Kinabatangan	7	7	Mendatar
13	Beluran	1	1	Mendatar
14	Kuala Penyu	1	1	Mendatar
15	Tongod	0	0	Mendatar
16	Sipitang	0	0	Mendatar
17	Nabawan	0	0	Mendatar
18	Papar	29	9	-20
19	Kota Kinabalu	87	77	-10
20	Tawau	42	32	-10
21	Tuaran	49	44	-5
22	Tambunan	4	1	-3
23	Putatan	15	13	-2
24	Kudat	6	4	-2
25	Telupid	3	1	-2
26	Ranau	23	22	-1
27	Lahad Datu	18	17	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>446</b>	<b>476</b>	<b>+30</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Sandakan	0	35	58	0	0	93	717
Kota Kinabalu	0	38	33	0	6	77	739
Penampang	0	24	42	0	5	71	422
Tuaran	4	25	12	0	3	44	507
Tawau	9	9	11	0	3	32	279
Ranau	4	7	8	0	3	22	185
Beaufort	0	7	10	0	1	18	255
Semporna	0	6	3	0	9	18	34
Lahad Datu	0	2	14	0	1	17	105
Kota Marudu	1	13	2	0	0	16	223
Putatan	0	9	4	0	0	13	179
Kota Belud	0	4	7	0	0	11	131
Papar	1	0	7	0	1	9	218
Keningau	1	2	5	0	0	8	70
Kinabatangan	0	5	2	0	0	7	39
Kunak	0	1	5	0	0	6	33
Kudat	0	0	3	0	1	4	38
Tenom	0	0	3	0	0	3	44
Pitas	0	0	2	0	0	2	13
Tambunan	0	1	0	0	0	1	28
Telupid	0	0	0	0	1	1	25
Kuala Penyu	0	0	1	0	0	1	41
Beluran	0	0	0	0	1	1	15
Kalabakan	0	1	0	0	0	1	0
Nabawan	0	0	0	0	0	0	3
Sipitang	0	0	0	0	0	0	27
Tongod	0	0	0	0	0	0	3
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>189</b>	<b>232</b>	<b>0</b>	<b>35</b>	<b>476</b>	<b>4,373</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tuaran	Kluster Batu 24 Nabal	4
Ranau	Kluster Puri Ranau	4
Papar	Kluster Persiaran Palma	1
Kota Marudu	Kluster Jalan Teritipan	1
Keningau	Kluster Puri Seberang Keningau	1
Tawau	Kluster Jalan Apas Batu Lima	7
	Kluster Jalan Sri Balung	2
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,764 unit

- Hospital 1,195 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,379 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 26.67%.

**B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 3 FEBRUARI 2022**

## i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	471
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>476</b>

<b>Import A (Jangkitan Luar Malaysia)</b>	
Iraq	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

<b>Import B (Jangkitan Luar Sabah)</b>	
Selangor	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

## ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	454
Bukan Malaysia	22
<b>Jumlah</b>	<b>476</b>

## iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	55
Belum Menerima Vaksin	50
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	307
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	64
<b>Jumlah</b>	<b>476</b>

## iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	6
1 to 5	17
6 to 11	32
12 to 17	46
18 to 25	65
26 to 59	264
>60	46
<b>Jumlah</b>	<b>476</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 2 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 806 orang. Daripada jumlah ini, seramai 789 orang adalah penduduk dewasa dan 17 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 2 setakat 1 Februari 2022 adalah seramai 2,454,401 orang. Ini meliputi 2,117,070 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.75% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,410,387 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,455 orang atau 76.04% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,331a orang atau 77.73% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,932 atau 72.10% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **680,065** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sebanyak empat (4) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
  - Empat (4) Orang : Individu Gagal Memastikan Penjarakan Fizikal
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 236 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 998 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 801 premis perniagaan dan 586 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 287 Premis Perniagaan melibatkan 125 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 76 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 121 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Beluran	98.5%
2	Kunak	98.4%
3	Semporna	98.4%
4	Sipitang	98.3%
5	Kinabatangan	98.2%
6	Keningau	98.2%
7	Kudat	98.1%
8	Kota Belud	98.1%
9	Tenom	98.1%
10	Beaufort	98%
11	Kota Kinabalu	98%
12	Kota Marudu	98%
13	Lahad Datu	98%
14	Ranau	98%
15	Tawau	97.9%
16	Papar	97.9%
17	Sandakan	97.8%
18	Tuaran	97.7%
19	Penampang	97.6%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**